

Informan

Hashim b. Kidam
Dato' Paduka Sri Maharaja
Lembaga Kanan Luak Gunung Pasir
Sri Menanti

Mansor b. Gempam
Dato' Orang Kaya Mempasir Setiawan
Penghulu Luak Gunung Pasir
Sri Menanti

Haji Yaacob b. Adi
Dato' Orang Kaya Kechil
Lembaga Suku Anak Aceh
Luak Ulu Muar
Kuala Pilah

Ustaz Ahmad Suffian
Pegawai Penyelidikan
Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan

Ustaz Hasyim b. Abd. Ghani
Pengetua Ma'ahad Ittiba'a Al Sunnah
Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Haji Mustafa b. Haji Ahmad
Bekas Pengelola Agama
Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan

Haji Mohd Murtadza b. Haji Ahmad
Mufti Kerajaan Negeri
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan.

ADAT PERPATIH : SIKAP CENDEKIAWAN AGAMA
DI NEGERI SEMBILAN
MASAKINI

WAN SHARIPAH BT. WAN ABDUL GHANI

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.
BANGI, SELANGOR.

1989 / 90

ADAT PERPATIH : SIKAP CENDEKIAWAN AGAMA
DI NEGERI SEMBILAN
MASA KINI

OLEH

WAN SHARIPAH BT. WAN ABDULGHANI

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

SESI 1989/90

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

30.3.90

.....
Tarikh



.....
Wan Sharipah bt. Wan Abdul Ghani

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Bersyukur ke hadirat Ilahi kerana dengan keizinan dan limpahNya, latihan ilmiah ini telah dapat saya siapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih terutamanya kepada penyelia saya iaitu Dr. Sidek Haji Fadhil yang telah memberi bimbingan, tunjuk-ajar, pandangan dan nasihat dalam usaha menyiapkan latihan ilmiah ini. Juga kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Persuratan Melayu.

Terima kasih juga kepada pihak Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bahagian Penyelidikan Arkib Negara Malaysia, Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, tokoh-tokoh agama dan tokoh-tokoh adat dan pihak-pihak lain yang turut terlibat.

Seterusnya saya hulurkan setinggi-tinggi sanjungan istimewa buat ibu, abang-abang dan kakak juga ahli keluarga yang lain yang sentiasa mendoakan kejayaan ini. Juga kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi galakan dan dorongan untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Akhirnya ucapan terima kasih saya kepada Encik Rahman yang telah menaip penulisan ini. Kepada Allah dipohonkan doa restu semoga dilindungi dari segala kemungkaran dan dilimpahi Allah rahmat dan berkatNya sepanjang hayat.

Wan Sharipah bt. Wan Abdul Ghani

Jabatan Persuratan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia.

30.3.1990

SINOPSIS

Di dalam Bab Pertama perbincangan lebih menekankan kepada beberapa konsep yang terdapat dalam Adat Perpatih di samping menekankan juga sejarah awal kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan diikuti dengan pengertian adat. Dalam bahagian ini juga turut dibincangkan keselarian di antara Adat Perpatih dengan ajaran Agama Islam. Di samping itu turut dimuatkan pandangan dan pendapat tokoh-tokoh agama di Minangkabau mengenai masalah atau isu yang akan diperbincangkan dalam bab seterusnya.

Bab Kedua pula membincangkan dilema dan perubahan yang dialami oleh masyarakat Adat Perpatih. Dilema dan perubahan ini berpunca dari kemajuan dan arus pemodenan yang pesat yang melanda masyarakat Adat Perpatih. Akibat dari keadaan ini amalan Adat Perpatih itu telah tidak sempurna yang asalnya lagi.

Bab Ketiga pula membicarakan tentang sikap tokoh agama terhadap perkahwinan sesuku, di samping mengenengahkan juga jenis-jenis perkahwinan yang terdapat di dalam Adat Perpatih. Perkahwinan dalam Adat Perpatih terbahagi kepada dua iaitu dikenali sebagai perkahwinan yang mengikut aturan yang lazim dan juga perkahwinan yang tidak mengikut peraturan yang lazim. Dalam bab ini pandangan dan pendapat tokoh adat mengenai isu tersebut turut diperturunkan.

Bab Keempat juga merupakan bab terakhir memperjelaskan sikap tokoh agama terhadap sistem pewarisan harta pusaka dan konsep harta dalam Adat Perpatih. Turut diperbincangkan ialah sistem pembahagian

harta menurut ajaran agama Islam, di samping membincangkan pandangan dan sikap tokoh adat terhadap isu ini.

Akhirnya penulis merumuskan pendapat dari kedua-dua pihak tersebut dan mengesyorkan langkah yang perlu diambil bagi menyelesaikan persoalan atau masalah tersebut.

KANDUNGAN

HALAMAN

PENGHARGAAN	iii - iv
SINOPSIS	v - vi
KANDUNGAN	vii - viii
PENDAHULUAN	ix

BAB 1: ADAT PERPATIH DAN ISLAM

1.1	Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan	1 - 9
1.2	Pengertian Adat	9 - 12
1.3	Adat Perpatih dan Islam Dalam Konteks Pelaksanaannya	12 - 23
1.4	Polemik Adat di Minangkabau pada Awal Abad 20	24 - 35

BAB 2: DILEMA MASYARAKAT ADAT PERPATIH MASA KINI

2.1	Dilema Tentang Pemahaman Adat Perpatih	36 - 40
2.2	Pelanggaran Adat	40 - 43
2.3	Krisis Nilai	43 - 48
2.4	Perubahan Yang Melanda Masyarakat Adat Perpatih	48 - 49
2.4.1	Dari Segi Sosial	49 - 53
2.4.2	Dari Segi Ekonomi	53 - 55
2.4.3	Dari Segi Politik	55 - 61

BAB 3: SIKAP TOKOH AGAMA TERHADAP PERKAHWINAN SAMA SUKU

3.1	Perkahwinan Dalam Islam	62 - 63
3.2	Perkahwinan Dalam Adat Perpatih	63 - 68
3.2.1	Perkahwinan Sama Suku (sesuku)	68 - 73
3.2.2	Nikah Terkurung Di Dalam	73 - 75
3.2.3	Menyerah	75 - 76
3.2.4	Merumah	76 - 78
3.3	Perkahwinan Antara Orang Adat Dengan Orang Luar Adat	78 - 80
3.4	Sikap Tokoh Agama Terhadap Perkahwinan Sesuku	80 - 86
3.5	Pandangan Tokoh Adat Perpatih	86 - 94

BAB 4: SIKAP TOKOH AGAMA TERHADAP SISTEM PEWARISAN HARTA

4.1	Konsep Harta Dalam Adat Perpatih	95 - 99
4.1.1	Harta Pusaka	99 - 101
4.1.2	Harta Carian	101 - 102
4.1.3	Harta Pembawa	102 - 103
4.1.4	Harta dapatan	103 - 105
4.2	Sistem Pewarisan Harta Adat Perpatih	105 - 108
4.3	Sistem Pembahagian Harta Menurut Islam	108 - 116
4.4	Sikap Tokoh Agama Terhadap Sistem Pewarisan Harta	116 - 121
4.5	Pandangan Tokoh Adat Perpatih	121 - 126
4.6	Pandangan Penulis	126 - 129
4.7	Rumusan dan Kesimpulan	129 - 133

BIBLIOGRAFI

PENDAHULUAN

Tujuan Kajian

Tujuan penting kajian ini ialah untuk mengenalpasti dilema dan juga perubahan yang sedang dialami oleh masyarakat Adat Perpatih masa-kini. Di samping itu penulis juga ingin mengenalpasti apakah sabab-sebab ataupun punca yang membawa kepada perubahan dan dilema tersebut.

Di samping itu, penulis juga ingin mengkaji apakah Adat Perpatih ini masih sesuai diamalkan lagi di zaman moden ini. Adakah pengamalan Adat Perpatih kini masih semurni yang asalnya. Tetapi tujuan yang paling utama ialah ingin mengenengahkan sikap dan juga pandangan golongan cendekiawan agama terhadap masalah yang berkaitan dengan perkahwinan sesuku dan sistem pewarisan harta pusaka Adat Perpatih. Semoga dari pandangan tokoh-tokoh agama tersebut dapat dicari jalan penyelesaian atau jalan keluar terhadap masalah ini.

Metodologi Kajian

Untuk kajian ini penulis telah bertemu dengan beberapa responden yang mempunyai kewibawaan dan kemahiran dalam bidang masing-masing. Umpamanya Mufti, Dato'-Dato' Lembaga dan sebagainya. Semasa perbualan dengan responden, penulis juga telah merakamkan isi perbincangan dan perbualan tersebut.

Di samping temubual dengan responden tersebut, kaedah penyelidikan di perpustakaan juga diperlukan. Dalam beberapa aspek, penulis banyak menumpukan perhatian terhadap penyelidikan di perpustakaan.

Skop Kajian

Kajian ini dibataskan hanya kepada masalah yang hingga kini belum diselesaikan secara muktamad, iaitu masalah larangan perkahwinan sesuku dan juga sistem pewarisan harta pusaka dalam Adat Perpatih. Dalam membincangkan kajian ini beberapa orang responden telah ditemui. Kesemua responden ini mempunyai kemahiran masing-masing dalam bidang-bidang yang diperbincangkan itu.

Kajian-Kajian Lalu

Meskipun telah banyak kajian-kajian mengenai Adat Perpatih telah dihasilkan tetapi kajian tersebut lebih cenderung kepada adat istiadat mesyarakat Adat Perpatih. Umpamanya adat istiadat perkahwinan, pemilihan pemimpin, perbilangan adat, dan sebagainya. Terlalu sedikit kajian yang berdasarkan tentang konflik dalam adat itu sendiri. Dengan itu harapan penulis, semoga kajian ini akan dapat memperbetulkan pandangan dan sikap masyarakat adat dan masyarakat luar adat terhadap masalah-masalah tersebut.

BAB 4

SIKAP TOKOH AGAMA TERHADAP SISTEM PEWARISAN HARTA

BAB 4

SIKAP TOKOH-TOKOH AGAMA TERHADAP SISTEM PEWARISAN HARTA

4.1 Konsep Harta Dalam Adat Perpatih

Masyarakat Adat Perpatih merupakan masyarakat tani. Oleh sebab itu tanah merupakan sumber pendapatan orang-orang Melayu di desa.¹ Harta seperti yang dimaksudkan oleh masyarakat Adat Perpatih dari segi idealnya ialah tanah. Tanah ini pula boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu tanah pusaka adat dan juga tanah pusaka kecil. Tanah pusaka adat adalah seperti tanah untuk tapak rumah yang diwarisi oleh kaum perempuan, tanah sawah dan tanah dusun. Manakala tanah pusaka kecil pula biasanya berupa kebun-kebun getah yang ditinggalkan oleh seseorang yang meninggal dunia.²

Pembahagian pusaka dan juga penukaran hak milik iaitu kepada waris-waris simati dalam Adat Perpatih sering kali menimbulkan masalah. Hal ini mungkin disebabkan adanya kaitan dengan keistimewaan kedudukan wanita dalam masyarakat tersebut. Contohnya apabila sesuatu pasangan itu tidak mempunyai anak perempuan, mereka pasti akan berusaha untuk mendapatkan anak angkat perempuan di mana ia boleh atau berhak menerima harta pusaka.

¹ Idris Yahya, "Perpecahan tanah dan masalahnya," Dewan Masyarakat (Januari 1975), hlm. 24.

² Abdullah Siddik Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975), hlm. 151.

Secara umumnya, konsep sistem pewarisan dalam Adat Perpatih adalah bersifat kolektif iaitu setiap ahli waris tidak mempunyai hak milik atas harta peninggalan atau harta pusaka tetapi hanya mempunyai hak pakai.¹ Pada dasarnya harta pusaka adalah harta kepunyaan suku atau perut.² Sementara itu pihak suku pula dianggap sebagai pengawal harta dan setiap ahli suku berhak terhadap harta itu. Apa yang pasti tanah pusaka itu ialah tanah pusaka yang turun temurun di dalam suku itu dan ia tidak boleh dijual beli. Tidak ada seorangpun dibenarkan menjual atau menggadaikan tanah mereka kecuali yang ditentukan menurut syarat-syaratnya iaitu :

Adat tak berdiri
Rumah Gadang ketirisan
Gadis Gadang tak bersuami
Mayat terbujur di tengah rumah.

Sementara itu, pihak suku pula dianggap sebagai pengawal harta dan setiap ahli suku berhak terhadap harta itu. Apa yang dimaksudkan dengan tanah pusaka ialah tanah yang turun temurun dimiliki oleh suku itu dan ianya tidak boleh dijualbeli.

Apabila ada pihak yang ingin memindah milik terhadap harta ini, hanya boleh dilakukan di dalam lingkungan suku sahaja. Manakala keizinan Lembaga adalah perlu pada sebarang penjualan terhadap harta itu.³ Biasanya harta pusaka yang diwariskan itu terdiri dari tanah kampung, tanah sawah dan sebuah rumah adat. Mengikut Adat Perpatih, tanah pusaka ini akan kekal di dalam perlindungan kaum perempuan di

¹ Ibid., hlm. 116.

² Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 113.

³ M.B. Hooker, Adat laws in modern Malaya (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1972), hlm. 23.

dalam suku. Oleh itu adat telah menetapkan iaitu setiap anggota (orang) perempuan akan mendapat hak bersama terhadap sebidang tanah adat. Golongan kaum wanita inilah yang dianggap waris pusaka. Dengan itu juga tanpa harta pusaka, seseorang perempuan itu tidak mempunyai tempat dalam masyarakat Adat Perpatih. Malah mereka akan dianggap sebagai anak dagang.¹ Iaitu sebagai perbilangan adatnya :

Nyawa terletak di atas badan
Badan terletak di atas harta.

Menurut peraturan adat, semua tanah pusaka itu tidak boleh dijadikan hak milik perseorangan, ia adalah hak dan kepunyaan waris atau suku itu sendiri dan setiap orang ditentukan letak tempat tinggalnya untuk mendirikan rumah dan tanah untuk bercucuk tanam. Buapak-Buapak dan Datuk-Datuk Lembaga masing-masing adalah pemegang kuasa penuh di atas tanah pusaka itu.

Namun begitu kedatangan Inggeris turut mengubah sistem atau konsep asas tersebut. Penjajah Inggeris telah menjalankan dasar membahagi-bahagikan harta seseorang itu. Iaitu menurut nama masing-masing dan ditanda pula dengan batu-batu sempadan yang memisahkan harta seseorang itu dengan harta seseorang yang lain. Malah geran-geran telah dikeluarkan dengan tujuan untuk menentukan hak milik. Dengan itu, sistem ini telah mengubah struktur atau susunan pentadbiran adat dalam menentukan hak dan pusaka mengenai pemilikan tanah dan juga harta pusaka.²

¹ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 113.

² Datuk Samad Idris, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 7.

Dalam perkembangan seterusnya terutama di zaman penjajahan Inggeris, pendaftaran hak milik tanah telah diasaskan kepada sistem Torren. Dengan pengenalan sistem Torren ini maka timbullah satu susunan pentadbiran dalam menentukan hak dan pusaka mengenai pemilikan tanah dan harta pusaka. Ia merupakan satu susunan pentadbiran yang tidak pernah dikenal oleh masyarakat adat sebelum itu.

Keadaan tersebut berlaku pada tahun 1895 iaitu semasa kerajaan Negeri Sembilan berada di bawah perlindungan Kerajaan Inggeris. Pada masa itu, pentadbiran tanah telah diambil alih dari ketua-ketua Adat dan dikeluarkanlah hak pemilikan tanah yang telah diusahakan dan nama perempuan yang mengusahakan itu didaftarkan sebagai pemiliknya.

Sistem pemilikan tanah adat dikukuhkan buat pertama kalinya dalam tahun 1909 dalam satu undang-undang yang disebut dan dikenali dengan nama 'The Customary Tenure Enactment'. Enakmen tahun 1909 ini dipinda pula pada tahun 1926 dan akhirnya dipinda lagi sekali pada tahun 1930, di mana peraturan-peraturan Adat Perpatih mengenai pewaris harta telah menjadi bahagian yang lengkap dari Undang-Undang Tanah Negeri. Dengan enakmen tersebut maka pegawai-pegawai Kerajaan di Pejabat Daerah tempatan yang berperanan sebagai pemunggut hasil tanah (Collector of land Revenue) diberi kuasa untuk menjaga tanah-tanah pusaka adat itu. Sebarang pemindahan atau penjualannya mestilah mengikut batas-batas yang telah ditetapkan dalam undang-undang Adat.¹

¹ Abdullah Sidik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaya hlm. 148.

Perlaksanaan enakmen tersebut juga menyebabkan ketua adat (Lembaga) tidak lagi mempunyai kata putus atau kuasa. Peranannya kini hanya terhad kepada menjadi saksi yang akan memberikan keterangan terhadap permasalahan pewarisan yang timbul. Dengan wujudnya penguatkuasaan Undang-Undang sebegini sudah pasti ianya seakan-akan merendahkan kuasa penguasa-penguasa Adat sebelum ini. Oleh itu konsep pewarisan harta tersebut telah tidak lagi asli atau tulen sebaliknya telah diubah mengikut selera penjajah Inggeris.

Dalam Adat Perpatih, terdapat beberapa jenis harta. Di antara jenis-jenis harta tersebut ialah harta pusaka, harta carian, harta pembawa dan juga harta dapatan.

4.1.1 Harta Pusaka

Dalam kategori ini, ia boleh dibahagikan pula kepada beberapa jenis iaitu pusaka benar dan juga pusaka sendiri. Pusaka benar ialah harta yang menjadi kepunyaan suku dan ianya terdiri dari tanah-tanah kampung, sawah, dusun buah-buahan dan juga rumah yang diwarisi dari ibu. Biasanya ia terletak di atas tanah pusaka. Di Minangkabau ia dikenali sebagai 'pusaka tinggi' dan di dalam 'Customary Tenure Enactment' pula ia disebut sebagai Tanah Adat (customary land). Harta ini adalah kepunyaan waris iaitu ahli-ahli suku. Semua pusaka benar tersebut diturunkan kepada anak-anak perempuan sahaja. Tegasnya, pusaka benar itu diwarisi turun temurun.¹

¹ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia hlm. 146.

Pusaka benar tersebut dimiliki oleh orang perempuan dan mereka adalah pemegang amanah yang tertentu sahaja iaitu mereka mempunyai hak untuk mengusahakan, mengambil faedah daripadanya dan tempat saudara lelaki mereka berlindung semasa bujang atau bercerai. Hukum adat pula menentukan mereka itu hanya mempunyai hak pakai dan bukan hak milik perseorangan. Oleh kerana itu harta pusaka benar tidak boleh dijual kecuali oleh sesuatu sebab tertentu dan juga kebenaran Lembaga dan juga Undang.

Menurut Adat Perpatih, Buapak dan Datuk Lembagalah yang bertindak sebagai wakil keluarga dan suku; tegasnya merekalah sebagai pemegang kuasa atas tanah pusaka benar. Tidak ada seorangpun dibenarkan menjual atau menggadaikan tanah pusaka benar kecuali atas empat alasan yang telah diterangkan. Namun begitu perkembangan seterusnya dalam Adat Perpatih telah membolehkan seseorang menjual atau menggadaikan harta pusaka benar dengan alasan-alasan yang betul-betul mendesak. Tetapi hanya dalam lingkungan di dalam perut dan sukunya sahaja. Dengan itu penjualan dan penggadaian pusaka dibenarkan dalam sesuku dan diberikan hak keutamaan kepada waris yang paling dekat. Umpamanya saudara seibu sebapa, sepupu dan seterusnya.¹

Jenis kedua ialah pusaka sendiri. Ia adalah semua jenis harta benda yang diwarisi oleh anak daripada orang tuanya seperti barang-barang kemas dan harta-harta carian lainnya. Pusaka sendiri juga dikenali sebagai pusaka rendah di Minangkabau. Manakala dalam

¹ Ibid., hlm. 147.

'small estates Act' ia dikenali sebagai pusaka kecil.¹ Pewarisan harta pusaka kecil ini tidaklah mengikut aturan sistem Adat tetapi ia lebih kepada bentuk pembahagian faraid iaitu anak perempuan dan anak lelaki mempunyai hak terhadapnya.²

4.1.2 Harta Carian

Harta carian ini lebih merujuk kepada harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan sesuatu pasangan tersebut. Harta carian ini pula boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :

- i) Carian bujang
- ii) Carian suami isteri

Harta carian bujang ialah harta ataupun pendapatan yang diperolehi sebelum berkahwin iaitu carian sewaktu ia masih bujang, sama ada ianya lelaki mahupun perempuan. Meskipun pada asalnya ia adalah kepunyaan individu tetapi apabila ia meninggal dunia, harta tersebut akan menjadi kepunyaan suku. Iaitu harta-harta tersebut akan diturunkan kepada waris-waris perempuannya yang terdekat.³

Harta carian suami isteri pula ialah harta yang didapati secara usaha bersama oleh pasangan tersebut. Ianya juga boleh di-

¹ Ibid., hlm. 147.

² Mansor Hj. Jamaludin, Konsep harta dalam sistem Adat Perpatih, Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10 - 12 April, 1974, hlm. 3.

³ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, hlm. 150.

maksudkan sebagai harta sepencarian. Di sini perkataan 'sepencarian' bererti bersama-sama mencari atau sama-sama berusaha. Oleh itu bolehlah diertikan bahawa harta sepencarian suami isteri itu ialah harta yang dicari bersama dan sama-sama bertungkus lumus berusaha bagi mendapatkannya. Menurut M.B. Hooker pula harta sepencarian boleh diertikan sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri dalam masa perkahwinan. Malah menurut Brigge J. pula ialah harta pencarian bermaksud harta yang diperolehi semasa perkahwinan antara suami isteri hasil dari sumber-sumber mereka atau hasil daripada usaha mereka bersama.¹ Ringkasnya, harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri dalam tempoh perkahwinan.

Sekiranya berlaku perceraian, harta ini akan dibahagikan kepada kedua-dua pihak dan suku kedua-dua pihak juga akan turut merasai kepentingannya. Semua hak milik yang diperolehi akan menjadi pusaka apabila ianya telah diwariskan. Malah apabila carian suami isteri dibahagikan kerana perceraian, bahagian-bahagian itu akan menjadi hak milik yang tetap yang tidak boleh diwariskan kepada yang lain walaupun mereka kemudiannya tidak menjadikannya sebagai pusaka.²

4.1.3 Harta Pembawa

Sementara itu harta pembawa pula ialah harta peribadi seseorang lelaki yang berkahwin. Harta itu dibawa kepada suku

¹ Abd. Kadir Ismail dan Abd Monir Yaacob, "Harta sepencarian menurut pandangan Islam", Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM., 1983, hlm. 5.

² M.B. Hooker, Readings in Malaya Adat Laws (Singapore : Singapore University Press, 1970), hlm.110.

isterinya iaitu yang dibawanya semasa perkahwinannya. Harta itu mungkin termasuk harta dari pendapatannya semasa bujang yang dikenali sebagai carian bujang, sebahagian dari harta dari perkahwinannya yang terdahulu dan juga sebarang harta pusaka dari keluarganya yang diperolehi.

Selain daripada itu, harta pembawa juga biasanya terdiri daripada senjata-senjata seperti keris, tombak, lembing dan juga pakaian. Malah ada juga yang membawa binatang-binatang ternakan seperti kerbau, lembu, kambing dan sebagainya. Lazimnya harta pembawa ini berasal dari dua sumber yang utama iaitu harta yang diperolehi oleh seseorang lelaki itu semasa ia masih bujang (carian bujang) atau harta-harta yang telah diberikan oleh ibubapanya.¹

Harta ini dinamakan harta pembawa kerana harta-harta tersebut akan dibawa oleh pihak lelaki untuk kegunaannya atau kegunaan bersama dan ianya tetap bersifat milik sisuami. Oleh itu sekiranya terdapat sebarang perceraian antara kedua belah pihak, harta itu akan dikembalikan semula kepada suku-sukunya. Terutamanya jika sisuami yang meninggal dunia. Harta ini hendaklah dikembalikan kepada waris-waris yang terdekat dalam suku sisuami. Sekiranya sisuami yang meninggal dunia, waris terdekatnya ialah saudara perempuannya.

4.1.4 Harta Dapatan

Harta dapatan ialah harta kepunyaan perempuan. Harta ini khususnya harta pusaka yang diwarisi oleh kaum perempuan waktu ia

¹ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 117.

berkahwin. Dalam bahagian harta dapatan ini termasuklah tiga jenis harta lain iaitu harta carian dari hasil titik peluh seseorang perempuan sewaktu ia masih gadis (carian bujang), harta yang diperolehi sewaktu ia masih janda (carian janda) dan bahagian yang diperolehi sewaktu ia bercerai.¹

Ia juga boleh dimaksudkan sebagai harta-harta yang dimiliki oleh isteri secara mutlak iaitu dari pewarisan yang diterimanya. Ianya amat penting kerana di dalam Adat Perpatih, seseorang perempuan yang tidak berharta, sama tarafnya sebagai 'anak dagang' iaitu seperti kata perbilangan adat :

Nyawa terletak di atas badan
Badan terletak di atas harta.

Selain dari harta carian, harta dapatan ini juga termasuklah harta pusaka iaitu warisan turun temurun kepada pihak perempuan. Harta tersebut adalah pusaka benar seperti tanah pusaka adat dan juga pusaka sendiri seperti yang telah dibincangkan.

Dari segi amalannya, keseluruhan harta-harta dapatan akan diserahkan kepada pihak isteri, malah sekiranya siisteri meninggal dunia, harta dapatan ini akan diperolehi oleh anak perempuannya. Dan sekiranya siisteri itu tidak mempunyai anak perempuan, maka harta tersebut akan diserahkan kepada keluarga atau sukunya.

¹ Ibid., hlm. 117.

4.2 Sistem pewarisan harta Adat Perpatih

Apabila sebut sahaja tentang sistem pewarisan harta dalam Adat Perpatih, gambaran yang jelas lagi nyata dalam fikiran kita ialah harta pusaka itu akan dimiliki dan diwarisi oleh kaum perempuan. Harta pusaka itu akan dimiliki secara turun temurun melalui lingkungan keluarga tertentu ataupun dalam suku yang sama. Ia tidak boleh digadai atau dijual sewenang-wenangnya. Ini kerana harta pusaka itu sentiasa dalam jagaan waris, buapak dan lembaga sesuatu suku tersebut. Sistem pewarisan yang sebegini bertujuan untuk menjaga kepentingan kaum perempuan dan anak-anak mereka dari gejala kemiskinan dan kesusahan.

Walaupun keistimewaan diberikan kepada kaum perempuan dari segi untuk mewarisi harta pusaka tersebut tetapi pewarisan itu bukan dalam bentuk hak persendirian. Malah faedah yang mungkin didapati menerusi harta tersebut masih tetap dinikmati bersama keluarga sesuku. Iaitu seperti yang dikemukakan oleh E.N. Taylor dengan prinsipnya iaitu :

- i) Semua harta adalah menjadi hak kepada suku dan bukanlah dimiliki secara individu.
- ii) Harta yang diperolehi dengan secara mewarisi ianya akan menjadi harta pusaka.
- iii) Semua harta pusaka adalah diberi kuasa kepada ahli keluarga yang perempuan dalam suku.

- iv) Semua harta pusaka mestilah diberi hak mewarisi kepada keluarga yang menjadi tulang belakangnya.¹

Secara umumnya sistem pewarisan harta dalam masyarakat Adat Perpatih adalah seperti berikut: Apabila seseorang ibu itu meninggal dunia, harta pusakanya akan diturunkan atau diwariskan kepada anak-anak perempuannya. Sekiranya siibu itu tidak mempunyai anak perempuan, maka harta pusaka itu akan diwarisi oleh anggota perempuan dari keluarganya yang hampir atau yang sekedim sekali. Biasanya ia terdiri dari saudara perempuannya atau anak perempuannya sendiri. Sekiranya tiada waris sekedim, maka harta itu akan berpindah kepada saudara perempuan di dalam sukunya meskipun ikatan persaudaraannya sudah jauh. Namun begitu orang yang paling berhak ialah waris yang terdekat. Apabila tiada waris yang terdekat barulah ia turun kepada waris yang jauh.²

Sekiranya timbul pula keadaan di mana sesuatu suku itu sudah punah³ dan harta pusaka itu tidak dapat diturunkan kepada sesiapa, maka tanah pusaka yang sedemikian itu dikatakan 'pusaka tergantung'. Dalam Adat Minangkabau ia dikatakan sebagai 'pusaka gantung'. Keadaan demikian sangat sedikit kemungkinannya. Jika berlaku, anak lelaki atau waris lelaki akan menyembahkannya (memberitahu) kepada Undang untuk dilelong. Dalam upacara lelongan ini anggota suku itu sendiri diberi keutamaan sebelum ia dibuka kepada orang ramai. Hasil

¹ E. N. Taylor, Customary Law of Rembau, JMBRAS, Vol. VII, 1929, hlm. 9.

² Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 113-114.

³ 'Punah' bermaksud meninggal semuanya, tidak ada lagi yang tinggal. Dalam konteks ini, ia bermaksud tiada lagi waris perempuan.

dari lelongan ini akan diberikan kepada anak-anak lelaki simati, abang atau bapa saudaranya mengikut keadaan.¹

Sekiranya sesuatu keluarga tersebut tiada anak perempuan yang akan mewarisi harta pusaka, maka adat membolehkan ia mengambil anak angkat yang dikenali sebagai 'adat berkedim'. Pasangan itu boleh mengambil dari suku isterinya, suku lain malah boleh juga mengambil anak angkat dari bangsa asing. Setelah melalui adat berkedim, anak angkat tersebut boleh mewarisi harta pusaka dalam Adat Perpatih.

Dalam sistem pewarisan ini meskipun anak lelaki tidak mempunyai hak ke atas harta pusaka adat ini, tetapi mereka turut berhak terhadap hasil tanah pusaka yang berkemungkinan dia sendiri yang menanamnya atau dari tanaman ibu bapanya dahulu.² Di samping itu ada pula harta pusaka yang disebut harta pusaka sendiri yang dapat dibahagi-bahagikan kepada anak lelaki dan perempuan menurut jenis harta itu.³

Bagi anak lelaki yang belum atau tidak berkahwin pula, mereka masih berhak untuk menduduki tanah atau rumah pusaka ibu mereka. Dalam konteks ini, adik beradik perempuan berhak menjaga kebajikan saudara lelaki tersebut. Sama ada dari segi keperluan harian seperti makan minum dan lain-lain.

¹ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hlm. 114.

² Ibid., hlm. 115.

³ Abdulilah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malavsia, hlm. 116.

Akhirnya, Adat Perpatih sebagai adat yang bersesuaian dengan kaum petani di zamannya telah memberikan keutamaan harta pusaka kepada kaum perempuan. Tujuannya tidak lain ialah untuk mengekalkan jaminan keselamatan harta itu sendiri.

4.3 Sistem Pembahagian harta menurut Islam

Setiap insan di dunia ini haruslah menyedari bahawa harta yang dimilikinya hanyalah buat sementara waktu sahaja. Ianya tidak kekal. Oleh itu nikmat pemilikan yang diberikan oleh Allah itu haruslah dipergunakan dengan sebaik-baiknya ke arah keredhaannya. Untuk itu di dalam Al-Qur'an ada dijelaskan tentang jenis-jenis harta yang dilarang mengambilnya dan juga jenis harta yang boleh diambil iaitu harta pusaka. Kadar banyaknya harta yang akan dimiliki oleh seseorang ahli waris itu bergantunglah kepada kedudukan atau taraf seseorang itu kepada simati (pewaris). Cara-cara pembahagian harta ini banyak dibicarakan dalam surah An-Nisa' iaitu ayat 11, 12, 176 dan lain-lain. Harta ini haruslah dimiliki secara halal dan jangan sekali memperolehinya secara batil. Hal ini diterangkan oleh Allah melalui firmanNya dalam surah al-Baqarah: 188 yang bermaksud :

"Janganlah kamu memakan harta di antara kamu dengan jalan yang tidak sah (batil)".

Dan firmanNya lagi dalam surah An-Nisa': 10 yang bermaksud :

"Bahawasanya orang-orang yang memakan harta anak yatim dengan jalan aniaya sesungguhnya bererti mereka telah memakan api yang bernyala-nyala ke dalam perut mereka dan nanti mereka akan dimasukkan ke dalam api neraka".¹

¹ H. Sulaiman Rasjid, Fiqh Islam. Hukum fiqh lengkap (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1988), hlm. 372.

Dengan itu jelaslah di sini iaitu pewarisan harta di dalam Islam haruslah dilaksanakan mengikut hukum-hukum yang telah ditetapkan. Dan Allah menjanjikan balasan yang dahsyat kepada mereka yang melakukan penyelewengan tersebut.

Hak untuk mewarisi harta pusaka dari sipewaris diterangkan oleh Allah s.w.t. dalam Al-Qur'an surah An-Nisa': 7 yang bermaksud:

"Untuk laki-laki sebahagian dari harta yang ditinggalkan oleh ibu bapa dan keluarga dekat, dan untuk perempuan sebahagian dari harta yang ditinggalkan oleh ibu bapa dan keluarga dekat baik sedikit ataupun banyak menurut bagian yang telah ditentukan (dalam kitab suci)".¹

Islam juga memberikan hak pewarisan harta yang lebih banyak iaitu dua kali ganda kepada anak lelaki berbanding dengan bahagian anak perempuan.² Ini kerana kaum lelaki yang akan bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan kaum keluarganya. Oleh itu ini tentu sahaja berbeza dengan sistem pewarisan harta pusaka Adat Perpatih.

Sebelum pembahagian harta pusaka itu dilakukan beberapa kewajipan perlu didahulukan iaitu menjelaskan zakat dan sewanya. Hak ini hendaklah diambil terlebih dahulu dari jumlah harta sebelum dibagi-bagikan kepada waris-waris. Selain daripada itu harta itu hendaklah terlebih dahulu dibelanjakan untuk urusan jenazah, menjelaskan hutang simati sekiranya ada dan juga wasiat sipewaris. Wasiat ini biasanya tidak lebih daripada $\frac{1}{3}$ dari harta

¹ M. Ali Hasan, Hukum warisan dalam Islam dengan Undang-Undang Adat (Jakarta: Bulan Bintang, 1973), hlm. 9.

² Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat (Kuala Lumpur: DBP, 1982), hlm. 63.

peninggalan.¹ Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud :

Diriwayatkan dari Ibnu Abbas, beliau berkata "Alangkah baiknya jika manusia itu mengurangi wasiatnya dari 1/3 menjadi 1/4. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda "wasiat itu sepertiga sedangkan sepertiga itupun sudah banyak".²

Setelah diselesaikan tanggungjawab tersebut barulah harta-harta itu dibahagi-bahagikan kepada ahli-ahli warisnya seperti yang telah dijelaskan dalam Al Qur'an dan Hadith.

Mengikut hukum faraid, waris-waris tersebut memperolehi harta pusaka kerana beberapa sebab iaitu hubungan kekeluargaan, hubungan perkahwinan, hubungan agama iaitu sesama Islam. Hal ini mungkin terjadi apabila orang yang meninggal itu tidak mempunyai ahli waris. Dengan itu harta peninggalannya itu akan diserahkan ke Baitul Mal untuk umat Islam iaitu sebagai warisan.³ Wala' iaitu orang yang telah memerdekakan hambanya. Ia akan menjadi waris bagi bekas hambanya itu sekiranya hamba itu tidak meninggalkan ahli warisnya.⁴

Dalam hal ini nyatalah sistem pusaka Islam itu berfungsi untuk memperteguh dan juga memperluaskan hubungan persaudaraan yang merangkumi semua keluarga yang ada hubungan darah dan perkahwinan. Masing-masing mempunyai hak untuk memiliki harta yang ditinggalkan

¹ Ibid., hlm. 63.

² M. Ali Hasan, Hukum Warisan dalam Islam, hlm. 12.

³ T.M. Hasbi Ash Shiddieqy, Fiqhul Mawaris. Hukum-Hukum Warisan dalam syariat Islam (Jakarta: Bulan Bintang, 1973), hlm. 43-44.

⁴ Abdullah Siddik, Hukum Waris Islam dan perkembangannya di seluruh dunia Islam (Jakarta: Penerbit Widjaya, 1980), hlm. 48.

oleh si pewaris. Hak untuk mewarisi ini akan memberi jaminan dalam kehidupan waris-waris tersebut.

Sementara itu terdapat sepuluh orang lelaki yakni ahli-ahli waris yang berhak mewarisi harta. Pertama anak lelaki, kedua cucu lelaki, ketiga bapa, keempat datuk, kelima saudara lelaki, keenam anak lelaki kepada saudara lelaki, ketujuh bapa saudara, kelapan anak lelaki kepada bapa saudara, kesembilan suami dan kesepuluh ialah tuan lelaki yang telah memerdekakan hambanya. Di samping itu terdapat pula tujuh orang perempuan yang berhak mewarisi harta, iaitu pertama anak perempuan, kedua anak perempuan kepada anak lelaki, ketiga emak, keempat nenek, kelima saudara perempuan, keenam isteri dan ketujuh tuan perempuan kepada hambanya yang dimerdekan.¹

Sekiranya seorang wanita Islam meninggal dunia dan meninggalkan waris-waris yang kesemuanya lelaki, dalam masalah ini hanya bapa, anak lelaki dan suami sahaja waris-waris yang sah mewarisi harta pusaka manakala waris yang lain tidak berhak. Oleh itu, pembahagian harta akan menjadi seperti berikut iaitu bapa mewarisi $\frac{1}{6}$, suami mengambil $\frac{1}{4}$, anak lelaki pula mendapat kesemua baki yang masih ada. Sebaliknya jika seorang meninggal dan waris yang masih hidup semuanya perempuan, dalam hal ini hanya anak perempuan, anak perempuan kepada anak lelaki, ibu, saudara perempuan seibu sebapa dan isteri sahaja yang berhak mewarisi harta pusaka tersebut. Sedangkan waris yang lain tidak berhak. Oleh yang demikian, pembahagian harta adalah kepada dua puluh empat bahagian dan anak perempuan itu mendapat separuh, atau dua belas bahagian,

¹ Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat, hlm. 63-64.

anak lelaki kepada anak perempuan mendapat $\frac{1}{6}$ iaitu empat bahagian, ibu mendapat $\frac{1}{6}$ iaitu empat bahagian manakala isteri pula mendapat $\frac{1}{8}$ iaitu empat bahagian dan saudara perempuan seibu sebapa beroleh satu bahagian iaitu yang baki.¹

Dalam keadaan bila seorang meninggal dunia dan meninggalkan waris-waris lelaki dan perempuan, hanya isteri atau suami, ibu, bapa, anak lelaki dan anak perempuan sahaja yang berhak mewarisi pusaka. Kadar-kadar atau bahagian-bahagian adalah seperti berikut iaitu jumlah semua bahagian adalah dua puluh empat, atau tujuh puluh dua menurut hisab. Isteri mendapat $\frac{1}{8}$ iaitu sembilan bahagian, ibu $\frac{1}{6}$ iaitu dua belas bahagian, bapa $\frac{1}{6}$ iaitu dua belas bahagian, dan anak lelaki dan perempuan pula mendapat semua baki mengikut peraturan dua kali ganda bahagian. Iaitu anak lelaki mendapat dua puluh enam bahagian dan anak perempuan mendapat tiga belas bahagian. Sekiranya ada suami, pembahagian harta akan menjadi seperti berikut. Iaitu jumlah bahagian semua ialah tiga puluh enam bahagian, suami mendapat $\frac{1}{4}$ iaitu sembilan bahagian, ibu $\frac{1}{6}$ bahagian, bapa mendapat $\frac{1}{6}$ iaitu enam bahagian, anak lelaki dan anak perempuan bersekutu atas yang baki di mana anak lelaki mendapat sepuluh bahagian dan anak perempuan lima bahagian.²

Sekiranya tiada waris sama sekali atau jika ada harta yang berbaki selepas waris-waris mengambil hak-hak mereka yang sepatutnya, sedangkan tiada pula 'asabah, dalam hal ini baki itu mestilah diberikan kepada perbendaharaan negara.

¹ Ibid., hlm. 64.

² Ibid., hlm. 65.

Di dalam Al-Qur'an telah diterangkan ketentuan kadar bahagian waris-waris atau dikenali sebagai Al-Furūd al-Muqaddarah fi'l Qur'an. Pertama ialah yang mendapat setengah bahagian harta. Bagi kumpulan ini terdapat lima orang yang berhak iaitu anak perempuan apabila ia hanya sendiri, iaitu seperti firman Allah yang bermaksud :

"Jika anak perempuan hanya seorang saja, maka ia mendapat seperdua harta pusaka".

Surah An-Nisā': 11.

Diikuti oleh anak perempuan dari anak laki-laki, saudara perempuan yang seibu sebapa atau sebapa sahaja, iaitu apabila saudara seibu sebapa tidak ada dan ia hanya seorang saja. Seperti firman Allah yang bermaksud :

"Dan jika ia (yang meninggal) mempunyai seorang saudara perempuan, maka ia mendapat seperdua harta yang ditinggalkan oleh saudaranya yang laki-laki".

Surah An-Nisā': 175.

Seterusnya suami iaitu apabila isterinya yang meninggal dunia itu tidak meninggalkan anak dan tidak pula ada anak dari anak laki-laki, sama ada anak laki-laki atau anak perempuan.¹ Iaitu firman Allah s.w.t. yang bermaksud :

"Bagi kamu seperdua harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika isteri-isteri kamu itu tidak meninggalkan anak (baik anak laki-laki mahupun perempuan)".

Surah An-Nisā': 12.

¹ H. Sulaiman Rasjid, Fiqh Islam hukum fiqh lengkap hlm. 382.

Kedua ialah yang mendapat $\frac{1}{4}$ bahagian harta. Golongan yang mendapat bahagian $\frac{1}{4}$ terbahagi kepada dua orang iaitu isteri atau beberapa orang isteri akan mendapat $\frac{1}{4}$ dari harta peninggalan suami jika suaminya tidak meninggalkan anak (anak lelaki ataupun anak perempuan) atau cucu iaitu anak dari anak laki-laki (sama ada laki-laki atau perempuan). Satu golongan lagi ialah suami iaitu apabila isterinya meninggal dunia dan ada meninggalkan anak-anak atau cucu-cucunya.

Ketiga ialah yang mendapat $\frac{1}{8}$ bahagian harta. Pembahagiannya hanya dibahagikan kepada isteri atau beberapa orang isteri jika suaminya meninggal dunia dan ada pula meninggalkan anak-anak, baik anak lelaki ataupun perempuan atau cucu iaitu anak dari anak laki-laki sama ada anak lelaki atau perempuan.

Keempat ialah yang mendapat $\frac{2}{3}$ bahagian harta. Mereka yang mendapat $\frac{2}{3}$ bahagian harta terdiri dari dua orang anak perempuan atau lebih dengan syarat apabila tidak ada anak laki-laki, kedua iaitu dua atau lebih bilangan anak-anak perempuan kepada anak lelaki, ketiga pula ialah dua atau lebih saudara perempuan seibu dan keempat ialah dua atau lebih saudara perempuan sebapa.¹

Kelima ialah yang mendapat $\frac{1}{3}$ bahagian harta. Golongan yang memperolehi $\frac{1}{3}$ harta tersebut ialah ibu iaitu apabila yang meninggal tidak meninggalkan anak atau cucu (anak dari anak laki-laki) dan tidak pula meninggalkan dua orang saudara baik laki-laki ataupun

¹ Othman Ishak, Hubungan antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat hlm. 66.

perempuan sama ada seibu sebapa ataupun sebapa saja atau seibu saja.
Ini dijelaskan dalam surah An-Nisā': 11, yang bermaksud :

"Jika simati tidak meninggalkan anak, sedangkan yang mewarisinya kedua ibu bapanya, maka untuk ibunya sepertiga harta. Maka jika simati mempunyai beberapa saudara (baik saudara laki-laki mahupun perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu saja), maka untuk ibunya seperenam dari harta".

Selain dari ibu golongan yang memperolehi $\frac{1}{3}$ pembahagian harta ialah dua orang saudara atau lebih dari saudara yang seibu sama ada laki-laki mahupun perempuan. Seperti firman Allah yang bermaksud :¹

"Jika sekiranya saudara seibu lebih dari seorang maka mereka berseikat pada sepertiga itu".

Surah An-Nisā': 12.

Keenam ialah yang mendapat $\frac{1}{6}$ bahagian harta. Mereka yang termasuk dalam kumpulan ini terdiri dari tujuh golongan iaitu ibu memperolehi $\frac{1}{6}$ dari harta yang ditinggalkan oleh anaknya apabila ia berserta anak, anak dari anak laki-laki atau berserta dua saudara atau lebih sama ada saudara lelaki ataupun saudara perempuan, seibu sebapa, sebapa sahaja atau seibu saja. Kemudian diikuti oleh bapa simati iaitu apabila yang meninggal mempunyai anak atau anak dari anak laki-laki. Nenek iaitu ibu dari ibu atau ibu dari bapa apabila ibu simati tidak ada. Cucu perempuan dari pihak anak laki-laki tetapi sekiranya anak perempuannya ramai maka cucu perempuan tadi tidak mendapat pusaka. Datuk iaitu dari sebelah bapa, saudara yang

¹ H. Sulaiman Rasjid, Fiqh Islam hukum fiqh lengkap hlm. 386.

seibu sama ada lelaki atau perempuan dan seorang saudara perempuan sebapa yang mewarisi bersama-sama saudara perempuan seibu sebapa.¹

Meneliti kepada sistem pewarisan harta pusaka dalam Islam (faraid) kita dapati semua anggota keluarga mempunyai hak untuk memiliki harta pusaka. Manakala kadar-kadar pembahagiannya pula bergantung kepada hubungan pertalian persaudaraan dengan sipewaris. Dengan itu juga jelas kepada kita bahawa hukum faraid atau sistem pewarisan harta dalam Islam merupakan suatu sistem yang cukup sempurna. Dan kebajikan masyarakat anggotanya tetap terjamin. Seterusnya kita lihat pula pandangan dan juga sikap tokoh agama terhadap kedua-dua sistem pewarisan ini terutamanya dalam pengamalannya dewasa ini.

4.4 Sikap tokoh Agama terhadap sistem pewarisan harta

Menurut ajaran Agama Islam, segala sesuatu yang ada dalam semesta ini, termasuk harta adalah milik Tuhan. Manusia hanyalah diberi hak mengurus dan mengatur, hak mempergunakan dan memanfaatkan.² Apa yang jelas dalam sistem pewarisan harta pusaka Adat Perpatih dan pewarisan harta secara faraid terdapat atau terlihat perbezaan yang nyata. Untuk meninjau keadaan tersebut, kita lihat bagaimana pandangan tokoh-tokoh Agama terhadap perbezaan tersebut.

¹ Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat hlm. 66.

² Nadzim Hj. Abdul Raahman, Cara-cara pengendalian harta se-pencarian di Mahkamah-Mahkamah, Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan Anjuran Jabatan Syariah, UKM, 4-5 Jun, 1983. hlm. 1.

Menurut Ustaz Hasyim b. Abdul Ghani,¹ baginya sistem pewarisan Islam (faraid) adalah lebih terperinci berbanding dengan sistem pewarisan dalam Adat Perpatih. Baginya, dalam Adat Perpatih ada tanah-tanah yang boleh difaraiddkan umpamanya tanah kebun getah dan lain-lain. Manakala tanah adat pula diturunkan kepada anak perempuan dan keadaan ini tidak boleh diubah. Ianya dibiarkan sahaja begitu, alasannya tanah adat itu tidak dipunyai oleh sesiapa, tiada siapa yang punya dan tidak tahu siapa empunya.

Satu langkah yang perlu dilakukan sekiranya hendak disesuaikan dengan ajaran Islam ialah untuk menjadikannya (tanah pusaka) itu sebagai tanah wakaf dari nenek moyang. Apabila diwakafkan, tiada siapa yang punya, meskipun ia telah diwakafkan tetapi ia mestilah masih ditadbir oleh Lembaga. Walaupun pada dasarnya ia masih lagi tidak menepati sistem faraid tetapi kaedah itu boleh membantu untuk menyelamatkan tanah pusaka tersebut. Iaitu sekiranya tanah itu diberikan pada anak lelaki, ditakuti habis dijualkannya.

Menurut Ustaz Hasyim lagi telah banyak tanah pusaka adat yang mengikut faraid contohnya di Seremban dan Port Dickson dijualkan kepada bangsa asing. Tanah pusaka disifatkan sebagai tanah wakaf iaitu wakaf dalam adat. Dan ia bukan diwakafkan dari segi agama. Ia dijadikan wakaf adat adalah bertujuan untuk memelihara adat di samping untuk menyelamatkan kepentingan anak perempuan. Ini terbukti, menurutnya tiada anak perempuan di Negeri Sembilan yang hidup menderita kerana masing-masing mempunyai tanah adat. Walaupun

¹ Temubual pada bulan September, 1989.

begitu, ini tidak bermakna untuk menentang ajaran Agama Islam tetapi pengalaman-pengalaman lepas membuktikan kebenarannya. Iaitu jika dibahagikan mengikut faraid tanah tersebut habis dijual tetapi jika tanah itu dikaitkan dengan adat, tanah adat itu tidak pernah dan ia tidak boleh dijual tanpa alasan-alasan yang kukuh dan manasabah.

Sementara itu Ustaz Ahmad Suffian¹ juga memberikan alasan-alasan dan cadangan-cadangan yang sama seperti yang dikemukakan oleh Ustaz Hasyim Abdul Ghani. Menurut Ustaz Ahmad Suffian terdapat beberapa hikmat di sebalik pewarisan harta pusaka kepada anak perempuan. Menurutnya, hanya harta pusaka sahaja yang diwarisi oleh anak-anak perempuan, manakala harta-harta lain, anak lelaki tetap mempunyai hak kepunyaan (milik). Tambahnya lagi, kini sudah terlalu sedikit tanah pusaka tersebut dan ianya hanya terdapat di setengah-setengah tempat sahaja seperti di Kuala Pilah, Rembau, Jelebu dan beberapa daerah lain. Dan di setengah-setengah tempat seperti Seremban dan Port Dickson, pewarisan harta pusaka adalah mengikut faraid.

Baginya, hikmah di sebalik pewarisan harta pusaka kepada pihak perempuan ialah orang lelaki dalam masyarakat Adat Perpatih lebih digalakkan untuk keluar merantau sedangkan anak perempuan, mereka tidak ke mana-mana. Wanita dalam masyarakat Adat Perpatih berperanan menjaga kampung dan menjaga harta. Oleh itu jika harta tersebut diberi kepada pihak lelaki dikhuatiri tanah adat tersebut tidak diusahakan kerana mereka lebih suka merantau. Selain itu, jika tanah pusaka itu diserahkan kepada lelaki, kebiasaannya tanah pusaka

¹ Temubual dengan Ustaz Suffian pada 21.8.1989.

itu habis dijualkannya. Oleh itu semakin berkuranganlah tanah adat di Negeri Sembilan.

Selain dari itu, Ustaz Ahmad Suffian juga mencadangkan agar tanah adat itu diwakafkan kepada keluarga. Dengan itu semua pihak sama ada anak lelaki atau anak perempuan boleh menggunakan dan merasai hasilnya. Ini adalah suatu jalan keluar kepada masalah tersebut. Dengan itu juga masyarakat Adat Perpatih akan terhindar dari pertentangan itu sebaliknya semua pihak sama ada anak lelaki atau anak perempuan mempunyai hak yang sama dan tiada timbul perasaan tidak puas hati di kalangan anak lelaki.

Baginya, langkah ini dapat mengelakkan daripada mencero boh hak milik seseorang atau masyarakat dengan cara pengambilannya secara tidak betul seperti menindas, menipu dan lain-lain. Sama ada melalui kuat kuasa undang-undang atau adat-adat yang bertentangan dengan syariat Islam. Larangan yang dimaksudkan itu terdapat dalam firman Allah yang bermaksud :

"Dan janganlah sebagian kamu memakan harta sebagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil".¹

Mengenai pertentangan dalam sistem pewarisan harta pusaka di antara ajaran agama Islam dengan Adat Perpatih ini juga, Ustaz Mustafa memberikan pendapatnya seperti berikut; iaitu Enakmen Pemegangan Adat BAB 215 itu perlu diubah dan baginya Adat Perpatih itu tidak salah. Baginya Adat Perpatih itu sendiri tidak menyalahi

¹ Al-Qur'an, surah Al-Baqarah ayat 188.

ajaran agama Islam. Oleh itu untuk menyelesaikan masalah ini pindaan haruslah dilakukan terhadap Enakmen Pemegangan Adat BAB 215 tersebut.

Menurut Ustaz Haji Mustafa, 'sistem pewarisan harta pusaka yang diwariskan kepada perempuan dan bukan kepada lelaki itu sememangnya salah dan bertentangan di sisi Islam. Oleh itu ia perlu diperbetulkan. Cadangan dan syor-syor dari Ustaz Haji Mustafa ini turut dipersetujui oleh Tuan Haji Murtadza.¹ Di antara syor-syor yang dicadangkan oleh mereka ialah ialah menjadikan harta pusaka itu sebagai harta wakaf keluarga. Ini kerana menurut Islam, takrifan wakaf itu ialah menahan sesuatu yang dapat atau boleh diambil manfaatnya dengan cara membekukan segala tindakan hukum atas bendanya dan hasilnya dipergunakan untuk kepentingan umum yang tidak melanggar hukum.²

Menurut mereka wakaf itu terjadi apabila terdapat orang yang mengistiharkan untuk membekukan tindakan atas hartanya itu dan hasilnya dipergunakan demi kepentingan anak cucunya dan kaum keluarga selanjutnya.

Dengan adanya tindakan pembekuan itu, maka harta itu untuk selanjutnya tidak dapat dijual, dihibahkan atau diwariskan. Dengan perbuatan wakaf itu juga bererti hak milik ke atas harta itu akan beralih kepada Allah. Namun begitu terdapat pendapat yang menyatakan hak atas harta tersebut tetap berada di tangan orang yang mewakafkan-

¹ Tuan Haji Mohd. Murtadza ialah Mufti Kerajaan Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri Sembilan.

² Amir Syarifuddin, Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau (Jakarta: PT Gunung Agung, 1984), hlm. 272

nya. Dan menurut satu pendapat yang lain pula menyatakan iaitu hak akan beralih kepada pihak yang diberi wakaf. Namun begitu persamaan bagi kedua-dua pendapat tersebut ialah pihak yang diberi wakaf berhak atas manfaat yang dihasilkan oleh harta wakaf tersebut.¹

Selain itu Haji Mustafa juga telah mencadangkan agar menambah lagi satu ceraihan bagi Undang-Undang CTE 215 (Customary Tenure Enactment)² dengan perkataan "pemilik tanah-tanah adat boleh memohon supaya dijadikan tanah kawasan Melayu". Ini bertujuan supaya Undang-Undang CTE 215 itu akan bertambah adil.

Dari penjelasan-penjelasan tersebut rata-rata tokoh-tokoh agama di Negeri Sembilan bersepakat atau bersetuju agar harta pusaka tersebut dijadikan sebagai harta wakaf keluarga. Ini kerana apabila telah dijadikan wakaf keluarga, secara tidak langsung anak-anak perempuan tidak lagi mempunyai hak untuk mewarisinya. Sebaliknya setiap anggota keluarganya akan dapat mengambil manfaat terhadap harta pusaka tersebut.

4.5 Pandangan Tokoh-Tokoh Adat Perpatih

Harta dalam masyarakat Adat Perpatih terbahagi kepada beberapa jenis seperti harta pusaka, harta carian, harta pembawa dan juga harta dapatan iaitu seperti yang telah diperbincangkan. Namun begitu terdapat sedikit perbezaan dalam aspek pembahagian harta pusaka mengikut Adat Perpatih dan secara pewarisan yang dianjurkan

¹ Ibid., hlm. 272-273.

² Untuk keterangan lanjut sila rujuk 'Enakmen Pemegangan Adat BAB 215' (Customary Tenure Enactment).

oleh Agama Islam. Untuk meninjau keadaan ini, kita lihat bagaimana sikap dan pandangan tokoh-tokoh adat terhadap masalah ini.

Bagi Haji Yaacob b. Adi¹ iaitu seorang tokoh adat yang berpengalaman di Kuala Pilah, beliau masih lagi ingin untuk mempertahankan sistem pewarisan tersebut. Menurutnya, sistem pewarisan harta pusaka Adat Perpatih iaitu harta pusaka diwariskan kepada anak perempuan mempunyai banyak kebaikannya. Yakni sama ada kepada anak perempuan itu sendiri mahupun kepada sukunya. Baginya, anak perempuan yang tidak keluar merantau akan berusaha mengerjakan tanah pusaka seperti sawah yang diwariskan kepadanya. Dengan itu juga tanah pusaka itu akan tetap terpelihara.

Menyentuh tentang percanggahannya dengan ajaran agama Islam, Haji Yaacob berpendapat, sehingga kini tanah pusaka (tanah adat) tersebut telah semakin berkurangan. Dan hanya di beberapa daerah atau luak sahaja yang masih ada tanah adat seperti Jelebu, Kuala Pilah, Rembau manakala Seremban dan Port Dickson tanah adat telah diwariskan mengikut hukum faraid. Menurutnya lagi, pewarisan menurut adat ini bukannya peralihan harta dari pewaris kepada ahli waris tetapi peralihan peranan atau pengurusan harta pusaka itu sahaja.

Oleh yang demikian peranan atau pengurusan terhadap harta pusaka itu tetap bertukar ganti apabila sipewarisnya meninggal dunia. Dengan itu apa yang jelas dalam pewarisan itu ialah ianya hanya merupakan peralihan peranan atau pengurusan kepada anak perempuan dan bukannya pemilikan harta pusaka. Dalam hal ini ia sama sekali

¹ Temubual pada 31.1.1990.

berbeza dengan bentuk pewarisan agama Islam. Dalam hukum Islam pewarisan bererti peralihan hak milik dari simati kepada yang masih hidup iaitu yang beralih ialah hartanya.¹

Haji Yaacob juga berpendapat sekiranya harta pusaka itu diwariskan kepada anak lelaki, dikhuatiri harta pusaka itu akan dijualkannya. Ini kerana sifat anak-anak lelaki tersebut yang pemboros dan sebagainya. Apabila tanah adat ini banyak dijualkan maka hilanglah identiti masyarakat Adat Perpatih itu. Dengan itu juga Haji Yaacob lebih menunjukkan sikap sayangkan Adat Perpatih dan ingin agar sistem pewarisan harta pusaka itu dikekalkan. Oleh itu beliau menekankan perbilangan adat :

Biar mati anak
Jangan mati adat.

Pandangan dan pendapat yang sama juga turut disuarakan oleh Encik Hasyim bin Kidam² iaitu tokoh adat yang berpengalaman di Luak Gunung Pasir. Baginya, sistem pewarisan harta pusaka yang diperturunkan kepada anak perempuan ini banyak kebbaikannya. Iaitu kepada anak perempuan dan juga kepada suku. Apabila harta pusaka itu diserahkan kepada anak perempuan, secara tidak langsung harta itu tidak akan pergi ke mana-mana. Ini kerana anak perempuan yang menunggu dan menjaga tanah pusaka tersebut. Meskipun begitu baginya hak anak lelaki itu masih ada dalam harta pusaka itu dan hak itu hanyalah hak mengguna sahaja. Contohnya, anak lelaki boleh mengambil hasil buah-buahan dari kebun (tanah pusaka) itu.

¹ Amir Syarifuddin, Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau hlm. 270. .

² Temubual pada 30.1.1990.

Di samping itu, pewarisan harta seperti sistem pewarisan harta Adat Perpatih yang lebih memberatkan anak perempuan akan menjamin kehidupan anak perempuan dari kemiskinan dan kesusahan. Ini kerana setiap anak perempuan pasti mempunyai tanah pusaka. Dengan itu juga mengelakkan anak perempuan dari hidup menderita terutama apabila ia bercerai atau kematian suami.

Menyentuh tentang perbezaan sistem pewarisan tersebut dengan Agama Islam, Encik Hasyim b. Kidam menyatakan bahawa harta pusaka itu bukannya milik perseorangan dan ia tiada siapa yang memilikinya secara pasti. Apa yang diketahuinya ialah harta itu dimiliki oleh nenek moyang yang mula-mula meneroka tanah tersebut.¹ Oleh yang demikian harta itu ditujukan untuk faedah dan kegunaan bersama bagi anak cucunya dalam bentuk yang tidak terbahagi-bahagi. Oleh sebab itu setiap anggota dalam kaum dapat memanfaatkannya tetapi tidak dapat memilikinya.²

Sebagaimana yang kita ketahui harta yang dapat diwariskan menurut hukum Islam ialah hak milik peribadi dari orang yang telah meninggal dunia; sedangkan harta pusaka yang diwarisi dari nenek moyang itu bukanlah pemilikan peribadi malah pemilikannya adalah secara kolektif. Oleh sebab itu harta pusaka itu tidak memenuhi syarat untuk dijadikan harta warisan menurut Hukum Islam. Oleh yang demikian dengan kematiannya tidak dapat diwarisi oleh ahli waris menurut ketentuan syara'. Sebaliknya dengan tidak diwariskannya

¹ Temubual pada 30.1.1990.

² Amir Syarifuddin, Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau, hlm. 270.

harta itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Agama Islam, maka tidaklah menyalahi tuntutan hukum faraid.¹

Encik Mansor b. Gempam² juga menyatakan hasratnya untuk terus mengekalkan sistem pewarisan Adat Perpatih iaitu mewariskan harta pusaka kepada anak perempuan. Baginya dengan pengamalan sistem pewarisan harta sedemikian, ia akan dapat menjamin kehidupan anak perempuan dari hidup terbiar. Baginya dengan sistem yang sedemikianlah menjadikan hidup anak-anak perempuan masyarakat Adat Perpatih lebih terjamin dan tidak melarat. Namun begitu baginya, sekiranya ada langkah-langkah untuk memperbaiki sistem tersebut dan membuat satu undang-undang yang tidak bertentangan dengan Agama Islam adalah suatu langkah yang dialu-alukan. Menurutny lagi, sekurang-kurangnya anak lelaki hendaklah berikrar menyerahkan harta tersebut kepada pihak perempuan. Iaitu perlu mendapatkan keizinan dari anak lelaki.

Dengan itu juga ia menyatakan sekiranya pihak Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan merasakan sistem pewarisan Adat Perpatih itu benar-benar bertentangan dengan Agama Islam dan berusaha untuk mencari jalan keluarnya, maka beliau tidak keberatan menerimanya. Baginya jika perkara tersebut salah mengapa tidak kita mengakui kesilapan tersebut dan mencari jalan keluarnya.

Dari pandangan dan pendapat yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh adat tersebut, apa yang jelas ialah rata-rata mereka

¹ Ibid., hlm. 271.

² Temubual pada 30.1.1990.

masih ingin untuk mengekalkan lagi sistem pewarisan sedemikian rupa. Alasan yang biasa dikemukakan ialah ianya memberi banyak kebaikan kepada orang-orang perempuan yang lemah dan diharapkan juga agar harta pusaka tersebut tidak berpindah tangan atau dijualkan. Hal ini sering dilakukan oleh golongan lelaki. Namun begitu sekiranya ada jalan penyelesaiannya atau jalan keluar dari masalah tersebut mereka tidak pula membantah kerana ianya memberi kebaikan kepada semua pihak sama ada lelaki mahupun perempuan.

4.6. Pandangan Penulis

Dalam masyarakat Adat Perpatih, terdapat larangan kahwin sesuku tetapi ianya tidak terdapat dalam ajaran Agama Islam. Malah sekiranya larangan tersebut diingkari maka pasangan tersebut dijatuhkan pula hukuman-hukuman yang boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan mereka. Sebenarnya apakah fungsi utama larangan ini. Rata-rata mereka berpendapat untuk menjaga kemurnian sistem adat tersebut tanpa memikirkan dan menilainya dari sudut Agama Islam.

Apakah dengan adanya larangan tersebut, aturan larangan kahwin sesuku ini benar-benar dipatuhi. Bagi manusia beragama larangan adat tidaklah sekuat larangan agama, maka tidak hairanlah jika masih terdapat pasangan yang berkahwin sesuku dan melanggar aturan yang telah dibuat oleh nenek moyang mereka.

Namun begitu apabila larangan itu datangnya dari Agama Islam, maka tiada siapa yang berani melanggarnya. Ini kerana setiap larangan dan tegahan yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. itu mempunyai hikmat di sebaliknya. Aturan-aturan dan sistem-sistem yang

telah disusun oleh nenek moyang itu seakan-akan menyempit dan menyekat keizinan Allah, yakni dalam Islam tiada peraturan yang sedemikian rupa. Apa yang terkandung dalam ajaran agama Islam hanya sekadar tidak menggalakkan dan tidaklah sampai ke tahap melarang perkahwinan dengan kerabat yang dekat.

Menyentuh tentang hukuman yang dikenakan terhadap pasangan yang telah melanggar larangan tersebut, kita dapati hukuman yang diterimanya seolah-olah mengenepikan hak pasangan tersebut sedangkan dalam Islam perkara ini tidak wujud. Umpamanya hak untuk menyandang jawatan dan memiliki harta. Sedangkan dalam ajaran Islam orang-orang yang berkelayakan boleh bertanding untuk memohon sesuatu jawatan dan setiap individu itu mempunyai hak terhadap harta pusaka yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka.

Sikap terlalu mempercayai kepada sumpahan juga merupakan suatu sikap yang bertentangan dengan agama Islam. Kebanyakan masyarakat Adat Perpatih masih percaya iaitu akibat melanggar larangan kahwin sesuku, anak-anak yang akan dilahirkan akan cacat. Walaupun ada yang benar-benar berlaku, tetapi itu hanyalah secara kebetulan sahaja. Apa yang penting ialah sesuatu itu telah ditentukan oleh Allah sejak Azali lagi.

Begitu juga tentang larangan terhadap berpoligami di dalam kumpulan suku yang sama. Dalam Adat Perpatih sememangnya tidak digalakkan kaum lelaki berpoligami. Ini tentu sahaja tidak sesuai dengan ajaran agama Islam. Iaitu lelaki Islam boleh berkahwin sehingga empat dan ini mengikutlah kepada kemampuannya.

Apa yang dapat penulis rumuskan tentang soal perkahwinan sesuku dalam masyarakat Adat Perpatih ialah larangan ini lebih banyak mendatangkan atau menghasilkan prinsip-prinsip lain yang juga lebih menghala ke arah berlawanan dengan syara'. Umpamanya larangan perkahwinan sesuku ini akan mengenakan hukuman yang menyalahi etika Islam. Seterusnya pelanggaran hukuman ini menimbulkan pula suatu kepercayaan yang seolah-olah melupakan kekuasaan Allah s.w.t..

Oleh itu sekiranya larangan perkahwinan sesuku ini dimansuhkan berkemungkinan, masalah-masalah yang disebabkan oleh larangan tersebut tidak berlaku dan sesungguhnya hanya peraturan Allah sahaja yang maha lengkap dan sempurna. Dengan itu juga barulah boleh kita katakan bahawa Adat Perpatih itu adalah :

Adat bersendi hukum
Hukum bersendi Kitabullah.

Demikian juga halnya dengan sistem pewarisan harta pusaka dalam Adat Perpatih. Sebagaimana yang kita maklum aspek percanggahannya hanyalah terletak pada pewarisan harta pusaka sahaja sedangkan pewarisan harta carian dan lain-lain adalah benar di sisi agama Islam. Oleh itu jalan penyelesaian seperti yang telah diperbincangkan oleh tokoh-tokoh agama itu perlulah diambil perhatian. Tujuannya tidak lain iaitu agar kita benar-benar mengamalkan ajaran agama Islam. Walau bagaimanapun ini tidak bermaksud untuk menghapuskan sistem Adat Perpatih itu sebaliknya menyesuaikan dan memperindahkannya lagi adat itu dengan ajaran Islam yang maha suci. Seperti mana yang sering kali ditekankan dalam perbilangan adat iaitu :

Usang-usang diperbaharui
 Lapuk-lapuk dikajangi
 Yang elok dipakai
 Yang buruk dibuang
 Kalau singkat minta disambung
 Kalau panjang minta dikerat
 Kalau koyak minta ditampal.

Cadangan untuk mewakafkan harta pusaka tersebut merupakan suatu cadangan yang baik dan perlu diberikan perhatian kerana dengan jalan itu hak milik atas harta itu beralih kepada Allah s.w.t.¹ iaitu menjadi milik orang ramai dan diawasi oleh negara. Dengan memperhatikan garis-garis pokok dari wakaf itu dapat ditarik garis perbandingan dengan harta pusaka. Pemilik asal harta pusaka yang bertindak dalam hal ini sebagai pewakaf adalah nenek moyang dan ia tidak dapat dijelaskan secara orang perseorangan. Harta yang diwakafkan itu ialah harta yang diperolehinya hasil dari penerokaannya. Dalam hal ini tidak dijelaskan kepada sesiapa harta itu diserahkan dan untuk apa dipergunakan. Namun begitu harta yang disebut harta pusaka itu diserahkan kepada kerabatnya dalam garis keturunan ibu dan dipergunakan untuk kepentingan keseluruhan kerabat tersebut. Dengan demikian, pihak yang menerima wakaf adalah kerabat dari nenek moyang yang mewakafkannya itu.²

4.7 Rumusan dan Kesimpulan

Sehingga kini Adat Perpatih masih lagi diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan dan juga daerah Naning di Melaka. Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan telah diubahsuai dan

¹ Amir Syarifuddin, Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau, hlm. 272.

² Ibid., hlm. 273.

merupakan variasi dari Adat Minangkabau. Oleh itu Adat Perpatih yang pada peringkat permulaannya hanyalah merupakan satu adat kebiasaan tetapi akhirnya telah dijadikan peraturan dan undang-undang. Undang-undang itulah yang telah mengujudkan masyarakat yang hidup harmoni dan saling hormat menghormati.

Kedatangan agama Islam telah menambah kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam adat tersebut. Adat Perpatih telah disesuaikan dengan ajaran Islam. Aspek-aspek yang kurang lengkap telah dilengkapi dengan ajaran agama Islam. Oleh itu dapatlah kita katakan iaitu hampir kebanyakan pelaksanaan adat itu adalah bersesuaian dengan ajaran agama Islam. Namun begitu terdapat juga satu dua perkara yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Dan akhirnya telah melahirkan polemik adat di Minangkabau terutamanya awal abad 20.

Dalam keadaan zaman yang semakin pesat berkembang ini, Adat Perpatih seolah-olah hampir tergugat kerana dilanda arus pembangunan dan modenisasi yang lebih menekankan modenisasi ala Barat. Ini meletakkan Adat Perpatih itu seolah-olah berada dalam keadaan dilema. Iaitu sama ada adat yang telah diamalkan turun temurun ini masih perlu dipertahankan atau dilupakan sahaja. Kesan dari modenisasi ini juga begitu teruk melanda generasi muda masyarakat Adat Perpatih. Sehingga ada di antaranya yang tidak mengetahui sukunya sendiri dan prinsip-prinsip asas Adat Perpatih itu. Dengan itu juga timbullah berbagai dilema dari sudut pelanggaran adat, krisis nilai dan seumpamanya. Akibat modenisasi itu juga masyarakat Adat Perpatih begitu hebat dilanda perubahan iaitu perubahan dari segi ekonomi, politik dan juga sosial.

Di samping itu terdapat juga perkara-perkara pokok yang sukar untuk dilanda perubahan. Di sini penekanan diberikan kepada larangan kahwin sesuka dan juga sistem pewarisan harta pusaka Adat Perpatih. Hasil pertemuan dengan tokoh-tokoh adat, ternyata mereka masih ingin untuk mengekalkan dasar-dasar tersebut. Mereka merasakan cuma dua dasar atau prinsip inilah sahaja yang membezakan Adat Perpatih dengan adat-adat yang lain. Justeru itu sekiranya dasar atau tunjang amalan Adat perpatih ini hendak dimansuhkan atau diubah maka hilanglah identiti Adat Perpatih itu. Dengan itu juga tiadalah bezanya di antara Adat Perpatih dengan adat-adat yang lain.

Bagaimana pula dengan sikap tokoh-tokoh agama. Tentu sahaja mereka tidak memandang ringan perkara seumpama ini. Segala perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam itu haruslah dicari jalan penyelesaiannya. Ini adalah untuk memastikan agar masyarakat tersebut benar-benar mengikuti ajaran agama Islam yang berpandukan Al Qur'an dan Al Hadith. Sebagaimana yang diketahui, adat hanyalah ciptaan manusia, oleh itu tentu sahaja ia mempunyai banyak kelemahan dan kekurangannya.

Sebagai jalan penyelesaiannya, beberapa pandangan dan cadangan telah dikemukakan oleh cendekiawan agama ini yang semata-mata ingin untuk melihat masyarakatnya mengamalkan ajaran agama Islam yang suci murni. Di antara cadangan dan pendapat tersebut ada yang menganjurkan agar harta pusaka tersebut diwakafkan menjadi harta wakaf keluarga. Dan harta pusaka itu juga tidak lagi diwariskan kepada anak perempuan. Apabila telah dijadikan harta wakaf keluarga maka semua pihak iaitu anak lelaki dan anak perempuan akan dapat mengguna dan mengambil manfaatnya.

Untuk tujuan ini juga, langkah-langkah sedang diambil dan diusahakan oleh pihak Jabatan Agama Islam dengan kerjasama Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. Kedua belah pihak sedang berusaha mengkaji dan mencari jalan penyelesaian untuk sebaikan bersama. Usaha-usaha ini amatlah digalakkan.

Kesimpulan

Persoalan larangan kahwin sesuku dan sistem pewarisan harta pusaka kepada anak perempuan merupakan dua prinsip utama yang menjadi tunggak kepada sistem Adat Perpatih. Kedua-dua prinsip ini bertentangan dengan ajaran agama Islam. Oleh itu pelaksanaan atau pengamalan prinsip-prinsip ini haruslah dikaji semula. Ini kerana rata-rata masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih itu terdiri dari mereka yang beragama Islam. Justeru itu amalan-amalan yang berlawanan dengan syara' haruslah ditinggalkan. Apa yang penting dalam meneliti perjalanan hidup ini ialah mengikut ajaran dan petunjuk Ilahi dan semata-mata untuk mencari keredhaanNya sahaja.

Mengenai sikap mempertahankan prinsip yang membezakan identiti Adat Perpatih dengan adat-adat yang lain, sebenarnya sekiranya kedua-dua prinsip ini ditinggalkan masih ada lagi prinsip-prinsip lain yang dapat membezakan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih dengan Adat Temenggung. Umpamanya dari segi nilai-nilai murni kemasyarakatannya seperti menggalakkan anggota masyarakatnya bermuafakat, bergotong royong dan sebagainya. Oleh itu jelaslah pemansuhan amalan-amalan tersebut tidak akan menggugat identiti masyarakat Adat Perpatih.

Sebagai contoh, apabila sebut sahaja Negeri Sembilan semua orang akan mengaitkan atau menggambarkan sebagai sebuah negeri yang masih mengamalkan sistem Adat Perpatih. Begitu juga dari sudut budayanya terutama kesenian seperti pakaian dan ragam hias rumah masyarakat Adat Perpatih. Dengan itu nilai-nilai kesenian ini akan lebih memperjelaskan dan menjadi lambang atau identiti masyarakat Adat Perpatih. Oleh itu apabila disebut sahaja bentuk rumah masyarakat Adat Perpatih, maka semua orang tahu dan tergambar reka bentuknya yang unik itu dan tidak terdapat pada negeri-negeri lain. Seharusnya identiti seperti inilah yang harus dipelihara dan dipertahankan.

Akhirnya, meskipun masih ada tokoh-tokoh adat yang ingin mempertahankan atau mengekalkan larangan kahwin sesuku dan pembahagian harta pusaka kepada anak perempuan dan di satu pihak yang lain iaitu tokoh-tokoh agama pula cuba untuk mencari jalan penyelesaian yang boleh menyelamatkan masyarakat Adat Perpatih dari terus mengamalkan perkara-perkara yang bertentangan dengan syara'.

Oleh itu untuk mencapai suatu persetujuan atau kata sepakat tentang hal atau persoalan ini, kedua-dua pihak iaitu tokoh adat dan tokoh agama haruslah mengadakan perbincangan dan diharapkan hasilnya nanti akan mewujudkan undang-undang atau peraturan yang tidak bercanggahan dengan hukum syara'. Ini kerana sifat adat itu boleh berubah dengan adanya muafakat dari semua pihak. Setakat ini langkah ini telah menunjukkan tanda-tanda yang positif iaitu dengan adanya usaha dan kerjasama pihak Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan dengan Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. Semoga usaha-usaha ini akan membuahkan hasil yang positif.

BIBLIOGRAFI

BUKU.

- Abdullah Siddik. Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1975.
- _____. Hukum Waris Islam dan Perkembangannya di Seluruh Dunia Islam. Jakarta : Penerbit Widjaya, 1980.
- _____. Islam dan Kebudayaan Melayu. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1976.
- A. Hasimy. Di mana Letaknya Negara Islam. Singapura: Penerbitan Nasional, 1970.
- Abu Chik Mat Sarom. Asal Usul Adat Perpatih Negeri Sembilan. Negeri Sembilan, 1962.
- Agus Salim. Djejak Langkah Hadji Agus Salim: Pilihan Karangan Utjapan dan Pendapat Beliau Dari Tulu Sampai Sekarang. Djakarta : Tintamas, 1954.
- Ahmad Shalaby. Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam. Singapura : Pustaka Nasional, 1982.
- Amir Syarifuddin. Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau. Jakarta : PT Gunung Agung, 1984.
- Ensiklopedia Umum. Djakarta : Penerbitan Jajasan Kanisus, 1973.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan). 1983.
- Hamka. Islam dan Adat Minangkabau. Jakarta : Pustaka Panji Mas, 1984.
- H. Rusydi Afif. Hamka Membahas Soal-soal Islam. Jakarta: Pustaka Panji Mas, 1983.
- Hooker, M.B. Readings in Malay Adat Laws. Singapore : Singapore University Press, 1970.

- Hooker, M.B. Adat Laws in Modern Malaya. Kuala Lumpur :
Oxford University Press, 1972.
- H. Sulaiman Rasjid. Fiqh Islam, Hukum Fiqh Lengan. Kuala Lumpur :
Dewan Pustaka Fajar, 1988.
- Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu. Rangkaian Mustika Adat Basandi Syara'
Di Minangkabau. Bandung : CV Rosda, 1978.
- M. Ali Hasan. Hukum Warisan Dalam Islam. Jakarta : Bulan Bintang,
1973.
- Mochtar Naim. Mengali Hukum Tanah Dan Hukum Waris Minangkabau
Indonesia. Padang : Center for Minangkabau Studies Press
Padang, 1968.
- _____. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta:
Gadjah Mada Universiti Press, 1979.
- Mohtar Md Dom. Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia.
Kuala Lumpur : Federal Publications, 1977.
- Muhamad Ali Guthb. Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam.
Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid, 1989.
- M. Yunan Nasution. Musyawarah Dalam Islam. Kuala Lumpur : Yayasan
Buku, 1979.
- Nordin Selat. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur : Utusan
Publications and Distributors Sdn. Bhd., 1982.
- Othman Haji Ishak. Fatwa Dalam Perundangan Islam. Kuala Lumpur :
Fajar Bakti, 1981.
- _____. Hubungan Antara Undang-undang Islam Dengan
Undang-undang Adat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,
1982.
- Sidi Gazalba. Di Ambang Pintu Perkahwinan. Kuala Lumpur : Pustaka
Antara, 1976.

Samad Idris. Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Negeri Sembilan : Pustaka Asas Negeri, 1970.

T.M. Hasbi Ash Shiddieqy. Fiqhul Mawaris. Hukum-hukum Warisan Dalam Syariat Islam. Jakarta : Bulan Bintang, 1973.

Taufik Abdullah. 'Adat and Islam: An Examination of Conflict in Singapore : Minangkabau', Readings on Islam in Southeast Asia. National Book Development Council and Singapore Book Publishers, 1986.

JURNAL DAN MAKALAH.

Azizah Kassim. "Wanita dan Pemilikan Tanah Dalam Masyarakat Adat Perpatih", Ilmu Masyarakat 11, April - Sept 1986.

H.A. Hamidi Jora. "Adat Perpatih Tidak Demokratis", Dewan Masyarakat, 1975.

Idris Yahya. "Perpecahan Tanah dan Masalahnya", Dewan Masyarakat, Januari 1975.

Parr.C.W.C. dan Mackray .W.H..Marriage in Negeri Sembilan. Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic Society (JMBRAS), 1910.

Sheehan, J.J., M.C.S., dan Abdul Aziz b. Khamis. "Peraturan Adat Nikah Kahwin Suku-suku Yang Dua Belas", JMBRAS, (Vol.xiv part iii) 1936.

Taylor, E.N. "Customary Law of Rembau", JMBRAS Vol.vii , 1929.

SEMINAR DAN KONVENSIEN.

- Abdullah Siddik. "Adat dan Modernisasi", Seminar Persejarah Adat Perpatih, UKM, Bangi: 1974.
- Abbas Haji Ali. "Sebahagian Dari Dasar Adat. Tinjauan Secara Umum", Seminar Persejarah dan Adat Perpatih, UKM, Bangi: 1974.
- Abd Kadir Ismail dan Abd Monir Yaacob. "Harta Sepencarian Menurut Pandangan Islam", Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan, UKM, Bangi, 1983.
- Hasyim Abdul Ghani. "Kata-kata Perbilangan dan Tafsirannya", Seminar Persejarah dan Adat Perpatih, UKM, Bangi: 1974.
- Idris Haji Tain. "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih", Seminar Persejarah dan Adat Perpatih, UKM, Bangi: 1974.
- Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu. "Adat Minangkabau Basandi Syara', Syara' Basandi Kitabullah Dalam Pembangunan Masyarakat Adat", Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang: 1984.
- Mansor Jamaludin. "Konsep Harta Dalam Sistem Adat Perpatih", Seminar Persejarah dan Adat Perpatih, UKM, Bangi: 1974.
- Md Sharif Fakh Hassan. "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan Kaitannya di Minangkabau", Seminar Persejarah dan Adat Perpatih, UKM, Bangi: 1974.
- Mohd Yunus Mohd Yatim. "Hukum Islam Yang Berkaitan Dengan Pertunangan Pernikahan dan Perceraian", Seminar Kekeluargaan ii, UKM, Bangi: 1983.
- Mohd Dahlan Mansoor. "Minangkabau dan Negeri Sembilan. Tinjauan dan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan", Seminar Persejarah dan Adat Perpatih, UKM, Bangi: 1974.
- H.M. Asril. "Masyarakat Minangkabau Yang Sedang Berubah", Seminar Internasional Mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau, Sumatera: 1980.

- Haji Mustafa Haji Ahmad. "Adat dan Syara' di Negeri Sembilan",
Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, UKM, Bangi :1974.
- Nadzim Abdul Rahman. "Cara-cara Pengendalian Harta Sepencarian di
 Mahkamah-mahkamah", Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan, UKM,
 Bangi :1983.
- Samad Idris . "Kemurnian Dalam Adat Perpatih", Seminar Persejarahan
 dan Adat Perpatih, UKM, Bangi : 1974.
- Taha Abd Kadir. "Masyarakat Adat Perpatih Kontemporari di Negeri
 Sembilan Dalam Menghadapi Perubahan Sosio Ekonomi", Seminar
 Internasional Mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan
 Kebudayaan Minangkabau, 1980.
- _____. "Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih
 Masakini", Seminar Adat Perpatih, UKM, Bangi :1988.

KAMUS.

- Teuku Iskandar (pnys). Kamus Dewan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan
 Pustaka, 1984.
- Julius Gould and William L.Kolb. . A Dictionary of the Social Sciences.
 Great Britain : Tavistock Publications, 1964.

BAHANBAHAN YANG TIDAK DITERBITKAN.

- Muhammad Din bin Ali. "Dua Kuasa di Dalam Masyarakat Melayu atau
 Pertikaian Adat Dengan Islam." Tahun tidak dinyatakan.
- Halimah Siddik. "Islam Dalam Polemik Kebudayaan Melayu", Latihan
 ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Pangi, 1980.
- Zainal Kling. "Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara", Latihan ilmiah
 Universiti Malaya, 1969.